

Headline	Malaysia pengeluar Solar PV kedua terbesar dunia pada 2020		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Oct 2016	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	1,270,667
Page No	50	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	96 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,207
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,621



## Malaysia pengeluar Solar PV kedua terbesar dunia pada 2020

Kerajaan optimis Malaysia yang ketika ini berada pada kedudukan ketiga mampu menjadi negara pengeluar solar fotovoltaik (Solar PV) kedua terbesar di dunia menjelang 2020.

PV adalah kaedah bagi menjana kuasa elektrik menggunakan sel solar untuk menukar tenaga daripada cahaya matahari.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Zaini Ujang berkata, pengeluaran PV negara ketika ini adalah 12 peratus dan sasarnanya mencapai 20 peratus dalam tempoh empat tahun lagi.

Beliau berkata, menurut penyelidikan pasaran pada 2015, jumlah penghantaran global solar PV berjumlah 50.8 gigawatt.

“Secara keseluruhannya, dalam pasaran pengeluaran PV, China menyumbang 48 peratus, Taiwan 20 peratus, Malaysia 12 peratus dan

Jepun enam peratus.

“Bagi mencapai sasaran ini, negara perlu menggunakan teknologi hijau dan tidak ketinggalan di belakang pasaran utama seperti di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun,” katanya selepas merasmikan Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia Ke-7 Malaysia di sini, semalam.

IGEM 2016 akan diadakan pada 5 hingga 8 Oktober ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan 400 tapak pameran disediakan merangkumi pelbagai jenis segmen teknologi hijau.

Zaini berkata, antara inisiatif lain dalam memenuhi sasaran sebagai negara pengeluar kedua terbesar bagi PV adalah menerusi pemeteran tenaga bersih (NEM) sebagai kaedah menarik untuk memacu pertumbuhan tenaga solar.